

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019**

**1. S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BSH 2019 berstatus kahwin?**

J: Pemohon BSH 2019 yang berstatus kahwin perlulah memenuhi kelayakan seperti berikut:

- i. Pemohon
  - a. Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja
  - b. Lelaki atau perempuan yang menjadi ketua keluarga yang tinggal serumah dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah
- ii. Pasangan
  - a. Warganegara Malaysia (MyKad) atau memiliki pengenalan
  - b. Malaysia (MyPR / MyKAS); atau
  - c. Bukan Warganegara Malaysia (selain pengenalan MyPR /
  - d. MyKAS) **DAN** mempunyai anak Warganegara Malaysia
  - e. (MyKad / MyKid)
- iii. Anak (jika mempunyai anak)
  - a. Hubungan mestilah anak kandung (termasuk anak tidak sah taraf) atau anak angkat yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sahaja; dan
  - b. Warganegara Malaysia dan memiliki pengenalan Malaysia (MyKad / MyKid) sahaja; dan
  - c. 18 tahun dan ke bawah; atau
  - d. 19 tahun dan ke atas:
    - Masih belajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Awam / Swasta; atau
    - Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
  - e. Tidak bekerja atau tiada punca pendapatan.

**2. S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BSH 2019 berstatus Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak?**

J: Pemohon BSH 2019 yang berstatus Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai

anak perlulah memenuhi kelayakan seperti berikut:

- i. Pemohon
  - a. Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja
  - b. Lelaki atau perempuan yang menjadi ketua keluarga yang
  - c. tinggal serumah dan bekerja di Malaysia dengan jumlah
  - d. pendapatan kasar bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah

ii. Anak

- a. Hubungan mestilah anak kandung (termasuk anak tidak sah taraf) atau anak angkat yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sahaja; dan
- b. Warganegara Malaysia dan memiliki pengenalan Malaysia (MyKad / MyKid) sahaja; dan
- c. 18 tahun dan ke bawah; atau
- d. 19 tahun dan ke atas:
  - Masih belajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Awam / Swasta; atau
  - Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
- e. Tidak bekerja atau tiada punca pendapatan.

**3. S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BSH 2019 berstatus Warga Emas Sebatang Kara?**

J: Pemohon BSH yang berstatus Warga Emas Sebatang Kara perlulah memenuhi kelayakan seperti berikut:

- i. Lelaki atau perempuan Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia
- ii. Jika bekerja, pendapatan kasar bulanan adalah RM4,000 dan ke
- iii. bawah.